

Kerajaan tidak halang penyokong Pas ke Afghanistan

UM 13 OCT 2001

KUALA LUMPUR 12 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak menghalang jika para pemimpin dan penyokong Pas mahu ke Afghanistan untuk berjuang bersama-sama Taliban menentang Amerika Syarikat (AS).

Bagaimanapun beliau menegaskan, kerajaan tidak akan menyokong atau memberikan sebarang bantuan kepada Pas jika mereka memilih untuk berbuat demikian.

“Jika mereka mahu pergi, mereka boleh pergi, kita tidak menghalang mereka. Tapi saya rasa mereka hanya membazirkan masa sahaja,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian selepas merasmikan Persidangan Menteri-Menteri Pelancongan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) Ke-2 di Hotel Palace of The Golden Horses, Seri Kembangan, dekat sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas seruan jihad oleh Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, Selasa lalu supaya umat Islam Malaysia turut bersama-sama rakyat Afghanistan berjuang menentang AS.

Bagaimanapun Fadzil kemudiannya menjelaskan seruan jihad itu sebenarnya luas serta termasuk sokongan moral dan ia tidak semestinya dalam bentuk ketenteraan sahaja.